

Demam denggi menjadi penyakit endemik di Malaysia hingga kini sejak kes pertama penyakit itu dikesan di negara ini pada 1901 di Pulau Pinang.

Kes demam denggi di Malaysia menunjukkan trend peningkatan berterusan bermula daripada 2000 sehingga kini.

Kes kumulatif jangkitan denggi pada 2022 meningkat lebih 150 peratus berbanding tahun sebelumnya dan jumlah kematian akibat denggi pula meningkat sehingga 180 peratus.

Oleh kerana denggi berstatus endemik, ada yang mengambil sikap acuh tak acuh terhadap bahaya penyakit itu yang boleh menyebabkan kematian.

Ada segelintir mudah terperdaya dan tersalah anggap dengan maklumat kurang tepat sehinggalah boleh membawa kepada kemudatan berbanding kebaikan.

Ini kerana ia mewujudkan perasaan selamat yang palsu dan mendedahkan orang ramai kepada ancaman demam denggi sebenar.

Pakar Perubatan Keluarga Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) Prof Madya Dr Verna Lee Kar Mun berkongsi lima mitos mengenai demam denggi yang perlu dijelaskan dan ditangani.

**Mitos pertama:** Kita boleh dijangkiti demam denggi sekali sahaja seumur hidup

**Fakta:** Demam denggi ada empat serotaip dan ini bermakna seseorang itu boleh dijangkiti sehingga empat kali iaitu sekali untuk setiap serotaip.

Imuniti kekal hanya diperolehi jika seseorang itu sudah dijangkiti setiap satu daripada empat serotaip berkenaan.

Sebelum anda berfikir adalah lebih elok dijangkiti sebanyak empat kali, beringatlah yang berkemungkinan besar jangkitan seterusnya lebih teruk.

Setiap jangkitan itu pula hanya meningkatkan peluang untuk mendapat demam denggi yang teruk.

Demam denggi teruk adalah penyakit serius yang memerlukan dimasukkan ke hospital dan boleh mengakibatkan kesan buruk seperti kegagalan organ.



# LIMA MITOS DEMAM DENGGI

Disebabkan berstatus endemik, ada bersikap acuh tak acuh hingga terdedah kepada penyakit boleh bawa maut



Demam denggi teruk adalah penyakit serius yang memerlukan dimasukkan ke hospital dan boleh mengakibatkan kesan buruk seperti kegagalan organ

**DR VERNA**

Oleh itu, jangkitan berulang bukanlah idea yang baik untuk mendapatkan imuniti.

**Mitos kedua:** Selagi saya tidak rasa sakit, ia tidak

berbahaya

**Fakta:** Terdapat tiga tahap demam denggi. Ia bermula dengan fasa demam kuat secara tiba-tiba selama satu ke dua hari.

Ketika itu, pesakit berkemungkinan mengalami sakit-sakit badan, sakit kepala dengan sakit di belakang mata, muka menjadi merah dan kulit bertompok atau ruam.

Kemudian masuk pula fasa kritikal. Ironinya, ia datang selepas demam mereda dan ramai yang merasakan mereka semakin sihat.

Namun, tempoh sehari dua itu boleh menyebabkan pesakit mengalami kejut, jika kapilari darah membocorkan plasma dan ini membawa kepada penurunan tekanan darah secara mendadak.

Fasa inilah akan menentukan sama ada pesakit menjadi lebih sihat iaitu memasuki fasa pemulihan (pesakit mampu menyerap semula cecair dan nadi menjadi stabil), atau menjadi lebih buruk dan menderita demam denggi yang teruk.

Banyak penyakit virus seperti demam denggi boleh reda dan sembuh sendiri (self-limiting).

Dalam kebanyakan kes, pesakit hanya perlu

merawat diri sendiri di rumah. Paling penting minum banyak air untuk mengelakkan dehidrasi dan mengalami kebocoran plasma.

Sesiapa pun yang dijangkiti demam denggi perlu minum sekurang-kurangnya tiga liter air sehari pada tiga hari pertama.

**Mitos ketiga:** Demam denggi cuma penyakit biasa yang ringan

**Fakta:** Walaupun kebanyakan pesakit denggi boleh sembuh di rumah, ia tidak bermakna kita tidak perlu berwaspada.

Dianggarkan satu peratus pesakit akan mengalami demam denggi teruk dikenali sebagai demam denggi berdarah yang perlu dimasukkan ke hospital.

Pendarahan boleh bermula di fasa demam, lazimnya dalam kulit dan gusi. Jika tidak diuruskan dengan betul, keadaan pesakit akan bertambah buruk semasa fasa kritikal dan ketika itulah kebanyakan pesakit akan dimasukkan ke wad.

Mereka mempunyai sistem imun yang sihat selalunya akan sihat dalam dua hari, tetapi jika berlaku komplikasi akibat radang organ dalaman seperti jantung, hati dan otak, ia boleh memakan

masa seminggu atau lebih untuk sihat semula.

Bagi orang yang memang mengalami tekanan darah rendah, gejala mungkin bermula lebih awal.

Wanita yang sedang haid pula mungkin mengalami lebih banyak pendarahan.

Tanda lain demam denggi teruk termasuk sakit perut yang kuat, kerap muntah-muntah dan najis atau muntah berdarah.

**Mitos keempat:** Ujian demam denggi hanya boleh dibuat selepas tiga hari.

**Fakta:** Memang benar gejala awal lazimnya tidak ketara kerana demam adalah tanda banyak penyakit lain, tetapi, pesakit denggi selalunya mengalami demam tinggi secara tiba-tiba. Ujian antigen pantas denggi SI boleh mengesan demam denggi pada hari pertama.

Oleh itu, usah berlengah-lengah untuk mendapatkan nasihat perubatan, jika tiba-tiba mengalami demam panas.

Ingatlah, fasa demam hanya sehari dua sebelum bertukar kepada fasa kritikal apabila pesakit akan tiba-tiba menjadi lebih teruk.

**Mitos kelima:** Saya

tidak perlu mengambil apa-apa langkah pencegahan denggi sebab kawasan saya sudah dibuat penyemburan.

**Fakta:** Usaha pencegahan seperti penyemburan hanya membantu membunuh nyamuk aedes dewasa.

Membersihkan air bertakung di longkang awam dan tempat lain pula hanya boleh mencegah tempat pembiakan nyamuk.

Namun, usaha ini memabutkan kos dan tenaga yang banyak serta kesannya tidak menyeluruh.

Terdapat bukti nyamuk sudah kebal kepada racun serangga biasa yang digunakan dalam penyemburan.

Pihak berkuasa sudah menjalankan kaedah pengujian baharu seperti penggunaan nyamuk yang diubah suai genetiknya di lokasi panas.

Sekarang, ada maklumat mengenai vaksin denggi dalam penilaian. Adalah bagus apabila terdapat lebih banyak cara untuk melindungi diri daripada demam denggi.

Namun, itu bukan bermakna kita boleh leka. Tindakan mencegah pembiakan dan gigitan nyamuk aedes boleh dilakukan bermula dari rumah.